

Dr. Ling bercuti dua minggu atas saranan Dr. Mahathir

UM 25 MAY 2000

KUALA LUMPUR 24 Mei — Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik akan bercuti selama dua minggu atas saranan Perdana Menteri yang mahukan beliau menimbang semula keputusannya untuk melepaskan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya di sini, hari ini, Presiden MCA itu berkata, dalam pertemuannya selama kira-kira 15 minit dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pagi ini, Per-

dana Menteri memintanya menimbang rayuan daripada pelbagai pihak ekoran keputusan me-ngejutnya itu.

Memi kirkan

Katanya, Perdana Menteri kemudiannya telah mencadangkan beliau supaya bercuti bagi membolehkannya memikirkan semula keputusannya sebelum membuat keputusan muktamad.

“Beliau meminta saya menyimpan dahulu surat peletakan ja-

watan yang sepatutnya saya hantar kepadanya dan mencadangkan saya mengambil cuti selama dua minggu bagi memikirkan semula keputusan saya itu,” katanya.

Turut berada di pejabatnya ialah tiga daripada empat Naib Presiden MCA ia itu Datuk Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Ong Ka Ting.

Berikutan itu, katanya, beliau akan mengemukakan surat permohonan cuti dan akan ke satu

tempat yang tenang sama ada di dalam atau luar negara untuk memikirkan keputusan bersara itu.

Katanya, beliau akan mula bercuti dalam tempoh sehari dua ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu pemberita di Subang dekat sini, cuti tersebut diberikan setelah Dr. Ling mahukan masa untuk memikirkan semula keputusannya untuk melepaskan jawatan selepas dipujuk.

■ Lihat muka 4

Dr. Ling bercuti dua minggu atas saranan Dr. Mahathir

UM 25 MAY 2000

“Saya belum mahu lagi menerima surat (peletakan jawatan) darinya dan saya beritahunya agar pergi bercuti dan memikirkan semula perkara ini.

“Ini kerana perkara ini adalah serius. Pemimpin MCA datang berjumpa saya dan mereka beritahu bahawa mereka masih mahukannya,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan pembangunan Pusat Pameran dan Persidangan Kebangsaan (NECC).

Ditanya sebab Dr. Lina mahu melepaskan jawatan dalam kabinet, Dr. Mahathir berkata, pada awalnya beliau menyangka langkah itu dibuat kerana MCA sudah tidak mahukannya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri jangkannya meleset apabila kesemua pemimpin MCA menyatakan mereka masih mahukan Dr. Ling dan kerana itu beliau terpaksa memujuk pemimpin tersebut agar tidak meletakkan jawatannya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menatkan desas-desus yang menyatakan tindakan Menteri Pengangkutan itu berkait rapat dengan desakan MCA untuk mendapatkan satu lagi jawatan dalam jemaah menteri.

Perdana Menteri menegaskan, kesemua pemimpin MCA yang berjumpanya juga telah memberi perakuan bahawa mereka tidak pernah mendesak Dr. Ling agar mengemukakan tuntutan sedemikian.

“Ini yang diberitahu kepada saya oleh (Datuk Lim) Ah Lek, (Datuk Dr.) Fong Chan Onn, (Datuk) Ong Ka Ting dan juga (Datuk) Chan Kong Choy,” katanya.

Perdana Menteri memberitahu, apa yang memburukkan keadaan ialah apabila tersebarnya banyak khabar angin yang mengatakan kononnya Dr. Ling tidak meminta jawatan itu bagi pihak parti MCA.

Ditanya, sama ada peletakan jawatan itu turut dipengaruhi soal masalah dalam keluarga Dr. Ling, Dr. Mahathir berkata:

“Itu orang yang kata. Jadi dia berasa tak sedaplah bila dengar orang kata macam-macam pada dia,” katanya.

Dr. Ling, dalam pada itu berkata, sepanjang percutian itu, beliau akan memikirkan sedalam-dalamnya semua rayuan yang diterimanya sejak mengumumkan hasrat untuk bersara dua hari lalu.

“Saya sangat terharu dengan reaksi yang diterima dan saya berjanji akan mengambil perhatian terhadap apa yang disuarakan oleh mereka,” katanya.

Ditanya lebih lanjut mengenai pertemuannya dengan Dr. Mahathir, Dr. Ling berkata, di awal pertemuan sebelum mesyuarat kabinet itu, beliau telah menyatakan hasratnya secara peribadi kepada Perdana Menteri.

“Saya menyatakan bahawa sudah sampai masanya untuk saya bersara tetapi Dr. Mahathir menyatakan

saya patut kekalkan jawatan itu,” katanya

Ditanya kemungkinan satu keputusan positif akan dibuatnya selepas percutian itu, Dr. Ling berkata, beliau tidak mahu membuat sebarang spekulasi dan menegaskan, setakat ini, tiada sebarang perubahan terhadap keputusan yang telah dibuatnya.

Mengenai spekulasi yang menyatakan peletakan jawatannya ada kena mengena dengan desakan Perdana Menteri dan kes ahli perniagaan, Datuk Soh Chee Wen, beliau menyifatkan “tuduhan tersebut sebagai tuduhan liar yang datang daripada orang yang berniat jahat.”

Kepada satu soalan, beliau berkata, ketiadaannya tidak akan menjejaskan sebarang program Kementerian Pengangkutan kerana pastinya akan ada orang lain yang menggantikan beliau.

Mengenai persiapan pilihan raya kecil Parlimen Telok Kemang yang mungkin terjejas akibat tindakannya itu, Dr. Ling tidak menjangkakan ia akan terjejas.

Katanya, ini kerana seluruh jentera Barisan Nasional (BN) akan menghadapi pilihan raya itu dan MCA hanyalah sebahagian daripada jentera itu.

“Saya rasa BN tidak terjejas dan kalau ada peluang, saya juga akan pergi ke sana untuk berkempen,” katanya.